



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Selasa, Disember 15, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

■ ■ | A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM 103 terbaik dalam Times Higher Education BRICS & Emerging Economies

Oleh Azman Zakaria



SERDANG, 3 Dis - Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat pencapaian membanggakan apabila disenaraikan pada ranking ke-103 terbaik daripada 200 universiti antarabangsa dalam *Times Higher Education BRICS & Emerging Economies Rankings 2016*.

Penarafan itu diumumkan melalui laman web The World University Rankings dengan melayari <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/2016/brics-and-emerging-economies>.

Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata penyenaian UPM dalam ranking *THE BRICS & Emerging Economies* itu merupakan kejayaan yang bermakna kerana ia meletakkan UPM sebagai antara 200 institusi pengajian tinggi terbaik dalam ranking yang membabitkan 48 buah negara itu.

"UPM mencatat 24.3 mata keseluruhan, dengan pecahan prestasi (performance breakdown) ialah *Teaching* (25.3), *International Outlook* (50.1), *Industry Income* (34.2), *Research* (20.9), dan *Citations* (10.2)," katanya mengulas kejayaan terbaru UPM.

Selain itu ranking UPM mengikut indikator berada pada tangga ke 22 daripada 200 universiti dalam indikator *International Outlook*, indikator *teaching*, 80 dan indikator *research*, 66.

The *Times Higher Education BRICS & Emerging Economies Rankings 2016* hanya membuat penarafan institusi pengajian tinggi dari 48 buah negara yang ditakrifkan oleh FTSE sebagai *emerging* ("*Advanced Emerging*", "*Secondary Emerging*" atau "*Frontier*") termasuk negara-negara "BRICS" seperti Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan.

Bagaimanapun institusi pengajian tinggi daripada hanya 35 negara sahaja yang terpilih dalam senarai 200 terbaik.

"Jadi, kedudukan institusi anda dalam *ranking best research-led universities in the developing world* adalah kejayaan besar," kata editor *THE Rankings*, Phil Baty dalam kenyataan memaklumkan pencapaian UPM itu.

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 15 Dec 2015

